



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 29/2020 dari 12 Julai hingga 18 Julai 2020)

Situasi kes Demam Denggi pada minggu ke-29 menunjukkan penurunan dengan sebanyak 2,072 kes dilaporkan berbanding 2,138 kes pada minggu sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 66 kes (3.1%). Sebanyak tiga (3) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-29 berbanding dua (2) kematian pada minggu ke-28. Sehingga kini kumulatif kes Demam Denggi adalah sebanyak 60,717 kes berbanding 72,356 kes bagi tempoh sama tahun 2019 (penurunan 16.1%) manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 99 kematian berbanding 108 kematian bagi tempoh sama tahun 2019 (**Lampiran A & C**).


Lokaliti hotspot yang dilaporkan meningkat sebanyak 4 lokaliti menjadikan jumlah 86 lokaliti hotspot pada minggu ke-29 berbanding 82 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Sebanyak 62.8% atau 54 lokaliti hotspot dari keseluruhan 82 lokaliti hotspot berada di negeri Selangor, diikuti 18 lokaliti hotspot (20.9%) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, tujuh (7) lokaliti hotspot di Kelantan (8.1%), empat (4) lokaliti hotspot di Negeri Sembilan (4.7%), dua (2) lokaliti hotspot di Sabah (2.3%) dan satu (1) Melaka (1.2%) (**Lampiran B & D**).

Jangkitan Chikungunya pula melaporkan sebanyak 138 kes baru pada minggu ke-29 dengan majoriti iaitu 99 kes dilaporkan dari Negeri Pulau Pinang, 32 kes dari Negeri Perak, empat (4) kes dari Kelantan dan tiga (3) kes dari Kedah. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 1,554


(Lampiran E). Sebanyak 49 lokaliti wabak masih dalam pemantauan iaitu di Negeri Pulau Pinang yang melaporkan lokaliti wabak tertinggi dengan sebanyak 34 lokaliti diikuti negeri Perak 12 lokaliti wabak, Negeri Kelantan dua (2) lokaliti wabak dan Kedah satu (1) lokaliti wabak. Bagi surveilan Zika, sebanyak 992 sampel darah dan 17 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan kesemuanya adalah negatif Zika.

Bekas-bekas buatan manusia adalah tempat yang amat digemari oleh nyamuk Aedes untuk bertelur dan membiak. Oleh itu bekas-bekas di rumah seperti baldi, lapik pasu bunga, lapik alas pinggan serta kolah air perlu sentiasa dibersihkan atau dibubuh bahan pembunuh jentik-jentik agar tidak menjadi tempat jentik-jentik membiak. Musim hujan yang diselang-seli dengan cuaca panas sewaktu Musim Monson Barat Daya ini amat berpotensi untuk menjadi tempat pembiakan Aedes di persekitaran jika banyak bekas-bekas dibiarkan tanpa diselenggara. Barang-barang lusuh seperti tayar terpakai, tong-tong cat terpakai, kanvas plastik merupakan tempat-tempat yang sering menjadi tempat pembiakan Aedes di lapangan perlu dibuang atau dikitar semula. Tanggungjawab menjaga kebersihan persekitaran bagi memastikan tiada pembiakan Aedes adalah tanggungjawab semua lapisan masyarakat serta semua kementerian dan agensi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
27 Julai 2020




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 28 dan ke- 29 tahun 2020



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 29 tahun 2020 dan tempoh sama tahun 2019



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2020, 2019 dan Median 2015-2019



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke- 29 tahun 2020

**KES DEMAM DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 29/2020
(12 Julai hingga 18 Julai 2020)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 29/2020		Kumulatif kes demam denggi sehingga minggu 29/2019	
		Minggu Epid 29 (12 Julai – 18 Julai 2020)		Minggu Epid 28 (5 Julai – 11 Julai 2020)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	2	0	2	0	48	0	231	0
2	Kedah	16	0	29	0	563	0	1,127	4
3	P. Pinang	36	0	33	0	598	1	3,216	8
4	Perak	44	0	49	0	2,122	3	1,813	3
5	Selangor	772	0	895	1	32,674	31	40,849	35
6	WP KL & Putrajaya	258	0	310	0	7,010	6	8,794	6
7	N. Sembilan	88	0	77	1	1,739	7	1,370	7
8	Melaka	79	0	69	0	1,468	5	1,214	5
9	Johor	333	1	311	0	6,049	22	6,057	16
10	Pahang	100	0	111	0	1,762	4	1,028	4
11	Terengganu	9	0	3	0	243	0	372	1
12	Kelantan	222	0	139	0	2,448	4	2,267	3
13	Sarawak	17	0	26	0	1,179	2	1,050	1
14	Sabah	96	2	84	0	2,809	14	2,944	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	24	0
	MALAYSIA	2,072	3	2,138	2	60,717	99	72,356	108

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 29/2020
(12 Julai hingga 18 Julai 2020)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	H/Selangor	Apt Teratai Tbr Bb	147	223
2	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	28	104
3	WPKL	Titivangsa	Sek 1 W/Maju Blok F	39	96
4	SELANGOR	Petaling	Sek U10 (Alam Budiman : Jln U10/68-77b)	24	96
5	WPKL	L/Pantai	Vista Komanwel A	36	94
6	WPKL	Cheras	Vista Tasik	73	91
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 (Pangsapuri Ilham)	26	82
8	SELANGOR	Petaling	Sek 13 (P/puri Brunfield Riverview)	30	74
9	WPKL	Titivangsa	Kem Wardieburn (Blok G)	54	73
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 3 (Jln 18/30-18/44 & 18/46)	10	72
11	SELANGOR	Petaling	Sek U3 (P/puri Daisy B : Blok 3 - 8)	27	69
12	SELANGOR	Klang	Apartment Impian Sentosa	34	68
13	WPKL	Cheras	Kuarters Guru, Bdr Sri Permaisuri	26	66
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Tasik Prima 4	18	66
15	N SEMBILAN	Seremban	Bandar Seremban Selatan Fasa 3a (Jln. 3/3)	22	66
16	SELANGOR	H/Selangor	Lokaliti 2 Bdr Baru Btg Kali	18	61
17	SELANGOR	H/Langat	Jalan Bm 6/D Bandar Bukit Mahkota	11	61
18	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Jaya 7 (Pkns Blok 1 -11)	18	60
19	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong (Vista Prima)	14	60
20	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 16	30	60
21	WPKL	L/Pantai	Kuarters Ktmb (Blok 2,4, 6, 8)	11	54
22	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Raya (Jln Sr 7)	18	54
23	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana (South City Condo/Condo Perdana Selatan)	12	53
24	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 2 (Casa Damansara)	11	52
25	WPKL	Titivangsa	Pa Desa Rejang (Blok E,F,L,M)	19	51
26	SELANGOR	Petaling	Seksyen 8 (Flat B : Blok 11 - 22)	11	50
27	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama 7 Court 2	13	49

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
28	WPKL	L/Pantai	Tmn Gembira B (Sbhg Jln Selesa 1,9-12,Jln Riang 11-15,Sbhg Jln Selesa)	14	48
29	KELANTAN	K/Bharu	Kubur Maras	24	48
30	WPKL	Kepong	Ppr Beringin (D,E,F)	11	46
31	SELANGOR	Petaling	Sek U16 (Denai Alam Teres E : Jln U16/58-59)	15	46
32	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa Perdana 03	8	46
33	SELANGOR	Petaling	Sek 18 (Jln 18/3 Flat A : Blok 2 -10)	10	46
34	KELANTAN	K/Bharu	Lorong Silat	23	46
35	SELANGOR	Petaling	Usj 3/1	13	45
36	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 3 (Rmh Kedai)	35	44
37	SELANGOR	H/Langat	Pangsapuri Inai Pandan Indah	25	44
38	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Setia Balakong 2	12	43
39	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 12 (Vista Serdang)	8	43
40	SELANGOR	Klang	Taman Sri Perlabuhan 01	6	43
41	SELANGOR	H/Langat	Taman Kajang Mulia	17	42
42	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Pacific Place	25	42
43	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	7	41
44	WPKL	Cheras	Flat Sri Johor C(Blok37-59)	43	40
45	SELANGOR	Petaling	Sek 17 Teres E (Jln 17/39 - 17/49)	8	40
46	WPKL	Cheras	Sma Maiwp (Kuarters / Asrama)	13	39
47	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	11	39
48	WPKL	L/Pantai	Tmn Yarl D-Sbhg Jln Awn Kecil,Jln Awn Kecil4-7, Sbhg Psrn Awn Jawa,Lrg Awn Jaw	6	38
49	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Skyvillas)	9	38
50	SELANGOR	H/Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	10	38
51	SELANGOR	Petaling	Sek 13 (Teres C : Jln 13/ 66 - 13/69)	6	38
52	SELANGOR	Petaling	Sek 19 (Teres B : Jln 19/4 - 19/7b)	8	38
53	SELANGOR	Petaling	Sek U12 (Tmn Cahaya Alam Teres C:Jln U12/20a-20c, 25a-25c, 26a-26c, 27a-27c)	8	38
54	KELANTAN	K/Bharu	Pasir Kota	22	38
55	SELANGOR	H/Langat	Casa Villa Condo Sungai Chua	9	37
56	SELANGOR	Petaling	Sek 9 (Kondo Sri Mahligai & Town House Sri Mahligai)	18	37
57	WPKL	L/Pantai	Tiara Mutiara 2 Serviced Apartment	7	36

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL. KES	TEMPOH WABAK (HARI)
58	WPKL	Titiwangsa	Kuarters Hkl	26	36
59	SABAH	Tenom	Lalandang	8	36
60	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 1 Teres B	16	35
61	N SEMBILAN	Seremban	Bandar Seremban Selatan Fasa 2	8	35
62	KELANTAN	K/Bharu	Kg Sireh Bawah Lembah	9	35
63	KELANTAN	K/Bharu	Taman Sedc Chicha	15	35
64	SELANGOR	Petaling	Seksyen 9 (Kuarters lpk Selangor)	6	34
65	SELANGOR	H/Langat	Jalan Tkc 3/1-8 Taman Kota Cheras	11	34
66	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan - Blok 1-4)	11	34
67	SELANGOR	Klang	Taman Summit 01	6	34
68	N SEMBILAN	Seremban	Taman Desa Anggerik (Jln. Bbn 9/3)	5	34
69	MELAKA	Jasin	R/A Umbai / Tmn Datuk Abdul Aziz	42	34
70	KELANTAN	K/Bharu	Taman Paduka	8	34
71	SELANGOR	H/Langat	Appt Taman Damai Mewah	9	33
72	SELANGOR	Petaling	Bt 14 (Jln Tembusu,Bakau,Masjid,Meranti)	14	33
73	WPKL	Cheras	Pangsapuri Sri Malaysia	7	32
74	WPKL	Cheras	Jalan Jujur	5	32
75	WPKL	Cheras	P/Puri Kos Rendah Bdr Tasik Selatan (Blok A - E)	11	32
76	SELANGOR	Gombak	Au1a Tmn Keramat	8	32
77	SELANGOR	Gombak	Kg Matang Pagar	5	32
78	SELANGOR	H/Langat	Taman Nadayu Kajang	17	32
79	SELANGOR	Klang	Taman Eng Ann 06	7	32
80	SABAH	Tawau	Jk13 Tmn. Semarak Ph. 2a	6	32
81	N SEMBILAN	Seremban	Taman Sri Mawar Fasa 1	8	32
82	WPKL	Cheras	Warisan Cityview Fasa 1 (Blok A,B,C,&Chj)	4	31
83	SELANGOR	H/Langat	Appt Angsana Bandar Mahkota Cheras	4	31
84	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 3)	6	31
85	SELANGOR	Petaling	Sri Pju 1a Puncak Sri Kelana Kondo	14	31
86	KELANTAN	K/Bharu	Jalan Atas Paloh	17	31

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU 29/2020 (18 Julai 2020)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1	Perlis	-	-	-
2	Kedah	Baling Kota Setar Kuala Muda Kubang Pasu Kulim Pendang Sik Yan	1 4 4 2 1 2 2 1	16
3	P. Pinang	Barat Daya Timur Laut Seberang Perai Tengah Seberang Perai Selatan	85 555 26 2	668
4	Perak	Batang Padang Hulu Perak Kampar Kerian Kinta Kuala Kangsar Larut, Matang & Selama Manjung Muallim Perak Tengah	61 2 162 1 429 24 110 13 1 1	804
5	Selangor	Klang Petaling	1 2	3
6	WPKL & P	Kepong Titiwangsa	1 1	2
7	N. Sembilan	-	-	-
8	Melaka	-	-	-
9	Johor	Muar	1	1
10	Pahang	Bera	1	1
11	Terengganu	-	-	-
12	Kelantan	Bachok Kota Bharu Kuala Krai Machang Tanah Merah Tumpat Pasir Mas	5 39 1 2 2 8 1	58
13	Sarawak	-	-	-
14	Sabah	Kota Kinabalu	1	1
15	WP Labuan	-	-	-
JUMLAH			1,554	

